

بسم الله الرحمن الرحيم

**PELANJUTAN PENUTUPAN SEMENTARA MASJID, SURAU DAN  
BALAI IBADAT SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI MINGGU KE ENAM**

1. Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin mengumumkan bahawa oleh kerana masih ada kekhawatiran mengenai bahaya jangkitan COVID-19 di negara kita, maka penutupan sementara masjid, surau dan balai-balai ibadat seluruh negara yang akan berakhir pada waktu 'Isya malam ini, 27 Sya'ban 1441 Hijrah bersamaan 20 April 2020 Masehi adalah dilanjutkan lagi selama satu minggu mulai hari Selasa, 27 Sya'ban 1441 Hijrah bersamaan 21 April 2020 Masehi hingga hari Isnin, 05 Ramadhan 1441 Hijrah bersamaan 27 April 2020 Masehi.
2. Ketetapan penutupan sementara ini dibuat dalam Mesyuarat Khas Majlis Ugama Islam Brunei pada hari Sabtu, 24 Sya'ban 1441 Hijrah bersamaan 18 April 2020 Masehi berdasarkan keterangan daripada Kementerian Kesihatan berhubung dengan keperluan meneruskan langkah-langkah membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 dan berpandukan Hukum Syara' mengenainya sebagaimana yang difatwakan dalam Fatwa Mufti Kerajaan bil. 02/2020.
3. Penutupan sementara berturut-turut seminggu lagi ini termasuk hari-hari pertama bulan Ramadhan yang mana masjid, surau dan balai-balai ibadat lazimnya akan menganjurkan Sembahyang Sunnat Terawih berjemaah dan bertedarsus membaca al-Qur'an. Perkara ini adalah sangat signifikan pada menyemarakkan malam-malam Ramadhan dengan amal ibadat dan kebajikan. Walau bagaimanapun, Majlis Ugama Islam Brunei memutuskan supaya orang ramai mengadakannya di rumah masing-masing di kalangan keluarga sahaja yang mana dalam hubungan ini, orang ramai hendaklah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan "*Guidelines On Mass Gatherings, Social Events, Meetings Or Training Sessions*" setakat bertarikh pada 18 April 2020 Masehi.

4. Berhubung dengan signifikan menyemarakkan bulan Ramadhan, sukacita disebutkan tentang fadhilatnya menerusi hadits yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Abdullah bin Amr, Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

"الصِّيَامُ وَالْقُرْءَانُ يَشْفِعَانِ لِلْعَبْدِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَقُولُ الصِّيَامُ أَيْ رَبٌّ مَنْعَتْهُ  
الطَّعَامُ وَالشَّهْوَاتِ بِالنَّهَارِ فَشَفِعْنِي فِيهِ وَيَقُولُ الْقُرْءَانُ مَنْعَتْهُ النَّوْمَ بِاللَّيلِ  
فَشَفِعْنِي فِيهِ قَالَ فَيُشَفِّعَانِ"

Maksudnya: "Puasa dan al-Quran itu akan memberikan syafa'at kepada seseorang hamba pada hari Khiamat kelak, amalan puasanya akan berkata: Ya Allah, aku telah menahannya dari mengambil makanan, minuman dan nafsu syahwat pada siang hari sehingga dia memohonkan syafa'at kepadaku. Al-Quran pula berkata: Ya Allah aku telah melarangnya untuk tidur di malam hari, sehingga dia telah memohonkan syafa'at kepadaku, maka kedua-duanya pun memberikan syafa'at".

Apabila seorang muslim dapat mengumpulkan dua keutamaan di bulan Ramadhan secara sempurna iaitu dengan berpuasa di siang hari dan menghidupkan malamnya dengan sembahyang serta membaca al-Quran, maka Allah Subhanahu wa Ta'ala berhak untuk memberikan ampunan kepadanya dan pada hari khiamat kelak mencapai hisab yang ringan sebab puasa dan al-Quran akan dapat memberikan syafa'at kepadanya.

5. Sesungguhnya penutupan sementara yang sudah masuk minggu ke enamnya ini adalah sangat berat dirasakan, tambahan pula menjelang bulan Ramadhan. Namun demikian kita sedia memahami bahawa penutupan sementara masjid, surau dan balai-balai ibadat adalah sebahagian daripada langkah-langkah penting yang sedang dikuatkuasakan dalam usaha menghindari bahaya wabak COVID-19 dan sekali gus untuk memelihara keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan kita sekalian di negara ini.

6. Seterusnya dalam rasa terkilan, sedih dan kecewa dengan sebab tidak dapat beribadat di masjid pada masa ini, maka kita berpandulah kepada sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Abu Musa Al-'Asy'ari RadhiAllahu 'anhu beliau berkata bahawa Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

**"إِذَا مَرِضَ الْعَبْدُ أَوْ سَافَرَ ، كُتِبَ لَهُ مِثْلُ مَا كَانَ يَعْمَلُ مُقِيمًا صَحِيحًا"**

Maksudnya: " Apabila seseorang hamba itu sakit atau bermusafir, akan ditulis buat dirinya ganjaran sama seperti yang diamalkannya semasa bermukim atau sihat. " [Hadits riwayat Imam Bukhari]

Imam Ibn Hajar Al-Asqalani dalam فتح الباري شرح صحيح البخاري berkata: Hadits ini ditujukan bagi hak mereka yang melakukan ketaatan lalu terhalang dari melakukannya, iaitu dalam hal ini bermaksud seseorang yang istiqamah ke masjid untuk melakukan sembahyang berjemaah dan amal ibadah lain tetapi tidak ke masjid kerana terhalang, maka dia akan tetap menerima pahala berjemaah walaupun dia tidak ke masjid.

7. Oleh itu, sewajarnyalah kita bersabar, meningkatkan semangat mematuhi arahan-arahan atau panduan dan nasihat daripada pihak yang berkuasa terutama sekali Kementerian Kesihatan demi kepentingan bersama. Semoga dengan kesabaran kita itu, Allah akan merahmati dan kita akan segera terkeluar daripada wabak ini sepenuhnya.

**-TAMAT-**

Rujukan: KHEU/BPA/PR/APR/2020

Tarikh: 26hb Sya'ban 1441H bersamaan 20hb April 2020M